

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 May 2015

# Usah buat spekulasi mengenai 1MDB

■ KUALA LUMPUR 17 MEI

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meminta orang ramai tidak membuat spekulasi atau kesimpulan mengenai 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tanpa bersandarkan maklumat yang akan diumumkan Ketua Audit Negara, tidak lama lagi.

Dalam catatan terbaharunya di blog *NajibRazak.com* bagi menjawab tuduhan mengenai 1MDB, Najib berkata, laporan itu akan memperincikan butiran kewangan syarikat pelaburan berkenaan.

"Kita semua mahukan jawapan yang terperinci tetapi lebih wajar kita membiarkan juruaudit melaksanakan tugas mereka dan memaklumkan dengan jelas apakah keadaan sebenarnya.

"Jika kita membuat kesimpulan terlebih dulu, kita hanya melemahkan mereka, sepertimana dilakukan ramai yang lain. Ini bukanlah prosedur yang betul," katanya.

Tegas Perdana Menteri, jika rakyat ikhlas mencari kebenaran di sebalik isu membabitkan 1MDB, mereka seharusnya mendapatkan maklumat daripada sumber sahih (seperti Ketua Audit Negara) dan bukannya diperoleh daripada



NAJIB TUN RAZAK

portal berita pihak ketiga atau mana-mana blog dalam talian yang mempunyai agenda tersembunyi.

Malah, kata Najib, adalah tidak adil bagi segelintir ahli politik untuk menghukum kerajaan dalam mahkamah persepsi awam sebelum fakta sebenar diumumkan pihak berkuasa yang sahih seperti Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang 'Negara (PAC) yang dwipartisan.

"Apabila kebimbangan (mengenai 1MDB) dibangkitkan saya mahukan penjelasan yang terperinci dan telah mengarahkan Ketua Audit Negara dan PAC menyiasat 1MDB.

Um - 18/5/2015



**Jika kita membuat kesimpulan terlebih dulu, kita hanya melemahkan mereka, sepertimana dilakukan ramai yang lain. Ini bukanlah prosedur yang betul."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

inci dan telah mengarahkan Ketua Audit Negara dan PAC menyiasat 1MDB.

"Sesiapa yang didapati bersalah melakukan sebarang penyelewengan atau salah laku akan dibawa ke muka pengadilan," tegasnya.

Sementara itu, dalam laporan berita terbaharu, 1MDB berkata, lembaga pengarah dan barisan pengurusannya memberi kerjasama penuh kepada pihak Ketua Audit Negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan PAC bagi membuat penilaian terhadap syarikat berkenaan. -

BERNAMA